

**Program Hati Rakyat Bukti Najib Selami Denyutan Nadi Rakyat
Bernama
1 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Peruntukan RM50 juta kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaksanakan program Hati Rakyat menasaskan ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas disifatkan sebagai tanda keprihatinan Perdana Menteri menyelami denyutan nadi rakyat.

Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan, Datuk Zainal Abidin Sakom berkata Datuk Seri Najib Tun Razak benar-benar membuktikan keprihatinan beliau terhadap golongan itu melalui pengumuman peruntukan itu tiga hari lepas.

Beliau menolak tanggapan pembangkang yang selama ini mendakwa Najib memanjakan rakyat dengan pemberian beberapa bantuan demi meraih undi pada pilihan raya umum ke-13 (PRU 13) akan datang.

"Perdana Menteri menunaikan slogan yang dibawa beliau 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' membidas semua tohmahan pembangkang selama ini.

"Beliau telah melaksanakan pelbagai insentif bersifat kebajikan bagi memastikan rakyat yang amat memerlukan mendapat perhatian kerajaan dan bukannya bersifat peribadi," katanya kepada Bernama.

Kata Zainal Abidin, peruntukan sebegini sepatutnya diterima positif semua pihak tanpa mengira latar belakang politik kerana ia benar-benar memberi sinar baru kepada golongan tersebut.

"Apa yang saya dapat lihat, Industri Kecil dan Sederhana yang diceburi ibu tunggal dan OKU akan berkembang pesat serta membantu meningkatkan ekonomi mereka dengan aktiviti perniagaan yang dijalankan hasil bantuan yang dihulur kerajaan," katanya.

Penaung Persatuan Usahawan Istimewa OKU Malaysia, Abdul Malik Abdullah turut berkongsi pendapat menolak dakwaan pembangkang mengenai peruntukan yang dibuat kerajaan semata-mata bagi meraih undi pada PRU-13.

Katanya, bantuan itu merangkumi golongan yang memerlukan perhatian kerajaan dan rakyat tidak sepatutnya berburuk sangka dengan inisiatif kerajaan yang mahu melihat semua rakyat di negara ini menikmati kemudahan yang ada berkonsepkan sama rata.

"Persatuan ini sendiri telah merancang pelbagai aktiviti bagi memajukan golongan OKU, jadi kita amat menyambut baik inisiatif Najib yang jelas komited membantu golongan ini," katanya.

Sementara itu, Pengasas Pengurusan Baitul Kasih Anak Yatim, Ibu Tunggal dan Fakir Miskin, Masliza Abu Bakar pula berpendapat peruntukan itu sebagai satu inisiatif membela golongan kurang bernasib baik di negara ini.

Masliza meminta agar segenap lapisan masyarakat menerima baik pengumuman Najib dan menganggap ia sebagai satu anugerah kepada golongan ibu tunggal, OKU dan warga emas.

"Saya harap peruntukan ini akan sampai kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan kerajaan

dalam membela golongan itu mengikut keperluan masing-masing," katanya.

Pada 29 Jan lalu, Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengumumkan peruntukan itu ketika melancarkan sambutan Jubli Emas Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di Dewan Perdana Felda, di sini.

Menurut Najib, bantuan itu akan disalur kepada ibu tunggal, OKU dan warga emas mengikut keperluan masing-masing dan peruntukan RM50 juta ini akan memperluaskan konsep jaringan keselamatan sosial sebagai satu lagi usaha mengupayakan mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925449>